

### Bakal jemaah haji terima insentif RM500

**BANTING** - 86 bakal jemaah haji di sini telah menerima insentif RM500 setiap seorang bagi membantu mereka menampung keperluan di tanah suci nanti.

Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid berkata, pemberian itu merupakan bukti bahawa kerajaan Pakatan Harapan menjaga kebajikan rakyat Selangor.

"Saya tak nafikan selanjutnya pemberian ini juga dikongsi dari hasil negeri yang meningkat dan disalurkan semula kepada rakyat.

"Ia bukanlah satu usaha yang membebankan malah kerajaan negeri sehabis baik mahu jaga kebajikan rakyat seterusnya mahu rakyat di Kuala Langat turut merasa hasil yang diusahakan," katanya kepada pemberita pada majlis agih wang insentif di Dewan Balai raya JKKK

Kampung Banting di sini. Hadir sama Adun Morib, Hasnul Baharuddin.

Menurutnya, pemberian itu juga menterjemahkan slogan Peduli Rakyat yang diperjuangkan Kerajaan Negeri Selangor selama ini.

"Kami juga bercadang program seumpama ini diteruskan lagi pada masa hadapan," katanya.



Sebahagian penerima insentif dari Dum Morib yang menikmati hasil Kerajaan Negeri Selangor.

### Bawa cawan, pinggan sendiri



Mohamad Zain turut melayan orang ramai mendapatkan makanan.

**BANTING** - Inisiatif Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) meneruskan kempen menggalakan penggunaan bahan kitar semula melalui pengedaran Jamuan Aidilfitri terus mendapat sambutan positif.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, ia terbukti apabila 80 peratus orang ramai yang hadir membawa bekas makanan sendiri berbanding tahun lalu hanya 50 peratus.

Menurutnya, makanan tak akan dibazirkan jika membawa bekas makanan sendiri.

"Tapi janganlah kita datang majlis rumah terbuka, kita bungkus untuk makan seisi keluarga pula, kali ini kita lebih tegas, kita minta mereka

bawa bekas sendiri tetapi dilarang bawa pinggan polistirena.

"Jika ada yang bawa, kita mohon mereka pergi beli bekas makanan," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Majlis Jamuan Aidilfitri MDKL di Pekarangan MDKL, baru-baru ini.

Mohamad Zain berkata, langkah itu pihaknya dapat menggalakan penggunaan bahan kitar semula sekaligus memupuk semangat meningkatkan kesedaran terhadap alam sekitar.

"Saya akan teruskan lagi program ini, usaha ini saya lihat berjaya bila orang ramai sahut seruan itu dengan membawa pinggan dan cawan sendiri," katanya.

## Bangkit dua usul pendidikan

Puteri Umno mahu ringan beban ibu bapa selaras dengan kos sara hidup semasa

**BANTING** - Puteri Umno Bahagian Kuala Langat menggesa kerajaan meringankan geran per kepala bagi setiap pelajar selain melaksanakan bantuan awal persekolahan seawal mungkin selaras dengan kos sara hidup semasa.

Ketuanya, Asuma Beevi berkata, dua perkara berkenaan telah dibangkitkan hasil maklumat diterima daripada sekolah-sekolah di daerah ini.

Menurutnya, pihaknya mahu geran per kepala ditingkatkan berikutan ia dilihat sudah tidak lagi relevan.

"Dah lebih 15 tahun, bayaran itu masih lagi kekal... tak bolehlah macam tu sebab keadaan ekonomi kita dah berubah, kos sara hidup makin tinggi.

"Tanpa kenaikan yang selari dengan kos sara hidup kini, ini akan menjejaskan perjalanan aktiviti pelajar di sekolah-sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas membangkitkan dua usul pendidikan itu pada Mesyuarat Perwakilan Puteri



ASUMA

**INFO** • Puteri Umno serah petisyen untuk kerajaan teliti dua usul berkenaan

Umno Bahagian Kuala Langat, di sini semalam.

Asuma berkata, bantuan awal persekolahan pula perlu dilaksanakan seawal mungkin sekurang-kurangnya bulan November atau Disember sebelum sesi persekolahan bermula.



Annuar menerima petisyen usul pendidikan yang diserahkan Asuma dalam Mesyuarat Perwakilan Puteri Umno Bahagian Kuala Langat di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Juga, semalam.

"Bantuan sebelum ini kebanyakannya diberikan selepas persiapan persekolahan dilakukan ibu bapa.

"Tapi macam mana pula dengan ibu tunggal yang berpendapatan rendah serta mempunyai bilangan anak yang ramai dan masih bersekolah? Kalau bantuan tak

diberi sesegera mungkin, sukalah golongan ini nak sediakan persiapan sekolah dengan sempurna. Jadi ini yang kita ingin telankan.

"Pihak kami telah sediakan petisyen bagi menggesa kerajaan meneliti dua usul ini di bawah agenda pemerkasaan Kementerian Pendidikan

Malaysia," katanya.

Dalam mesyuarat berkenaan, Asuma turut menyerahkan petisyen berkenaan kepada Ketua Pengerangan Umno Malaysia, Tan Sri Annuar Musa sejurus selesai acara perasmian.

Sementara itu, Annuar yang hadir dalam program

tersebut bangga melihat ke-sungguhan Puteri Umno Bahagian Kuala Langat berikutan pelaksanaan mesyuarat itu.

"Kerja berpasukan itu saya lihat dapat bentuk sebuah kubu yang kuat, selain membuktikan BN masih kukuh," katanya.